



KENYATAAN MEDIA

INDUSTRI SOKONG CADANGAN MENGECAULIKAN CECAIR DAN GEL NIKOTIN DARIPADA AKTA RACUN 1952

Cadangan akan membolehkan kawal selia vape dilaksanakan

KUALA LUMPUR, 29 MAC 2023 - Industri vape tempatan menyokong cadangan mengecaulikan cecair dan gel vape yang mengandungi nikotin daripada Akta Racun 1952 untuk membolehkan kawal selia industri dilaksanakan serta merta melalui perundangan sedia ada.

Kenyataan ini adalah berikutan laporan bahawasanya Lembaga Racun akan membincangkan cadangan mengecaulikan cecair dan gel vape yang mengandungi nikotin daripada Akta Racun 1952.

Menurut **Ridhwan Rosli, Setiausaha Agung, Dewan Perniagaan Vape Malaysia (DPVM)**, dengan pengecualian gel dan cecair vape nikotin daripada Akta Racun, peraturan dapat diperkenalkan dengan kadar yang cepat untuk mengawal industri vape. Ini adalah berita yang paling dinantikan oleh seluruh industri vape tempatan.

“Apabila pengecualian untuk cecair vape mengandungi nikotin dibuat, produk vape dapat dikawal selia melalui perundangan yang sedia ada. Ini adalah teramat penting kerana pengawalseliaan dapat dilakukan keatas industri yang kini tiada peraturan.”

“Industri yang dianggarkan bernilai RM2.49 bilion ini juga akan mendapat hala tuju yang jelas selepas pengawalseliaan diperkenalkan. Malah, ia juga akan berupaya menarik pelabur asing dan domestik ke dalam sektor ini seterusnya meningkatkan nilai tambah kepada industri.

Dalam pada itu, **Presiden Malaysian Vape Industry Advocacy (MVIA), Rizani Zakaria**, berkata pengecualian dari Akta Racun ini adalah satu langkah yang tepat dan pada masa yang sama kerajaan harus membuat peraturan dengan serta merta untuk mengawal selia produk vape yang menggunakan cecair nikotin.

“Vape boleh dikawal melalui peraturan-peraturan sedia ada seperti Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau. Dengan penambahbaikan peraturan tersebut, kawalan akan dapat dibuat untuk memastikan tiada penjualan kepada individu dibawah umur 18 tahun. Ia juga akan memberikan manfaat kepada pengguna untuk memastikan bahawa produk yang dibeli and terjual adalah terkawal dari segi kandungan dan selamat untuk digunakan.



Rizani juga menyarankan agar Kerajaan membuat sesi perbincangan dengan wakil dan pemain industri dalam pelaksanaan kawal selia industri vape.

“Dalam merangka kawal selia untuk industri vape, perbincangan bersama industri perlu diadakan untuk memastikan peraturan yang akan diperkenalkan mengambil kira keperluan industri serta pengguna. Pemain industri terbuka untuk berbincang bersama Kementerian Kesihatan dalam perkara ini,” katanya.

tamat